



MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL. 3-2020/2021

TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : SECARA DALAM TALIAN (Webex)

BIL	HADIR	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Madya Dr. Noor Hazarina Hashim	Sekolah Pengajian Siswazah (Pengerusi)	2/3
2.	Prof. Madya Dr. Siti Zaleha Abdul Rasid	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	3/3
3.	Prof. Madya Dr. Siti Sophiayati Yuhaniz	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	3/3
4.	Dr. Norah binti Md Noor	Sekolah Pengajian Siswazah	2/3
5.	En. Asram bin Sulaiman @Saim	Fakulti Kejuruteraan	2/3
6.	En. Zurik Azaham bin Aris	Malaysian-Japan International Institute of Technology (MJIIT)	3/3
7.	Pn. Khairani binti Ibrahim	Pejabat Pendaftar Akademik UTM (UTM ARO)	3/3
8.	En. Nasir bin Osman	Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR)	2/3
9.	Cik Radiatul Hadaviyah binti Ramlan	Azman Hashim Business School (AHIBSKL)	3/3
10.	Cik Hazlina binti Stam	Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK)	3/3
11.	Pn. Syahida Fadilla binti Mokhtar	Fakulti Sains (FS)	3/3
12.	Pn. Hafizah binti Ahmad	Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR)	1/2
13.	Pn. Nor Qamariah binti Othman	Azman Hashim Business School (AHIBSJB)	2/3
14.	Pn. Nurun Nazrah binti Ahmad	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)	3/3
15.	Puan Safriza binti Sabjah	Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)	3/3
16.	En. Mohd Zaires Md Daris	Sekolah Pengajian Siswazah	3/3

BIL	TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Madya Dr. Kassim bin Jalil	Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD)	0/3
2.	En. Khairull Azmi bin Ishak	Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSH)	0/3
3.	Pn. Hjh. Nor Azlinda binti Abu Bakar	Fakulti Sains	0/3
4.	En. Abdul Razak Abdul Aziz	Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)	2/3
5.	En. Abdul Jalil bin Maulani	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)	1/3
6.	Puan Norharyani binti Hamid	Azman Hashim Business School (AHIBSKL)	2/3
7.	En. Syazli bin Md Tahir	UTM International (UTMI)	0/3
8.	Pn. Nurazlyna binti Mohamad Marjid	Fakulti Kejuruteraan	0/3
9.	Pn. Najwa binti Mohamed	Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD)	2/3
10.	Pn. Farahana binti Ahmad	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	Cuti Bersalin
BIL	TURUT HADIR	FAKULTI/JABATAN	
1.	Prof. Dr. Fadhilah binti Yusof	Fakulti Sains	
2.	Prof. Dr. Ahmad Baharudin bin Abd. Rahman	Fakulti Kejuruteraan	
3.	Prof. Dr. Izman bin Sudin	Sekolah Kejuruteraan Mekanikal (SKM)	
4.	Prof. Madya Dr. Dayang Norhayati binti Abang Jawawi	Sekolah Komputeran	
5.	Prof. Madya Dr. Azlina binti Kosnin	Sekolah Pendidikan	
6.	Prof. Madya Dr. Suhaimi bin Abu Bakar/Md. Ramli	Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA)	
7.	Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar	Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (SKT)	
8.	Prof. Madya Dr. Mohamed Afendi Mohamed Piah	Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE)	
9.	Prof. Madya Dr. Mohamed Sukri bin Mat Ali	Malaysian-Japan International Institute of Technology (MJIT)	
10.	Prof. Madya Dr. Rohaida binti Basiruddin	Azman Hashim Int. Business School (AHIBSKL)	
11.	Prof. Madya Dr. Radziah binti Mohamad	Sekolah Komputeran	
12.	Dr. Dewi Fariha Abdullah	Azman Hashim Int. Business School (AHIBSJB)	

13.	Dr. Tan Tian Swee	Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan & Sains Kesihatan
14.	Cik Norazlina binti Azizi	Urus setia
15.	Pn. Nor Kamsiah binti Manan	Urus setia
16.	Puan Eka Amira binti Rahim	Urus setia
17.	Pn. Sanisah Hussein	Urus setia
18.	Nurul Nadzinah Binti Miran Han	Urus setia
19.	Nur Saffa binti Md Khdis	Urus setia
20.	Cik Nor Anies binti Tilun	Urus setia
21.	Puan Julianah binti Samion	Urus setia
22.	Pn. Noraliza binti Tasiran	Urus setia

1.0 ALUAN Pengerusi

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan Al-Fatihah dan mengucapkan terima kasih kepada ahli yang telah hadir pada mesyuarat kali ini. Seterusnya beliau menyampaikan makluman dan perkembangan berkenaan perkara-perkara berikut:

1.1 Sasaran Graduan Tahun 2021

Pengerusi memaklumkan bahawa sasaran graduan bagi tahun 2021 telah dibuat dengan sedikit perubahan pada formula penyediaan data sasaran graduan. Perubahan perlu memandangkan bahawa pencapaian sebenar graduan tahun 2020 adalah seramai 461 pelajar berbanding sasaran yang dianggar iaitu 575 pelajar. Walau bagaimanapun, data ini adalah sehingga November 2020 belum termasuk graduan yang akan dibentangkan dalam JKTS pada bulan Disember ini. Jumlah graduan dijangka akan ada penurunan kerana situasi PKP/PKPB dan pandemik Covid19 yang menyebabkan proses pengurusan VIVA menjadi perlahan secara keseluruhannya berbanding tahun 2019.

Untuk tahun 2021 sasaran kali ini telah menggunakan formula dengan mengambil kira 20 peratus dari baki NHT PhD yang telah dihantar pada tahun 2020 setelah ditolak terlebih dahulu pelajar PhD yang berstatus V untuk mendapatkan nilai yang bersih. Kemudiannya disertakan sekali pelajar yang diberi status C1 (diberi lanjutan semester kerana covid dan juga kes-kes lain yang dibentangkan di dalam JKTS). Jumlah jangkaan graduan yang akan dihasilkan berdasarkan formula atau pengiraan ini sehingga akhir tahun 2021 adalah 515 graduan. (sila rujuk slaid e-Mesyuarat JAPSU pada 14 Disember 2020 untuk formula pengiraan dan sasaran Tahun 2021).

Pengerusi juga memaklumkan bahawa pecahan sasaran fakulti yang diberikan tidak banyak beza, mungkin terdapat fakulti yang mendapat sasaran yang tinggi dan juga yang berkurangan. Pengerusi meminta ahli membawa kembali pecahan sasaran graduan Tahun 2021 ini ke peringkat fakulti untuk dilihat dan dibincangkan dan dijadikan panduan untuk memantau perkembangan graduan setiap bulan. SPS juga telah menyediakan senarai nama pelajar yang disasarkan yang sepadan dengan data sasaran 2021 ini, untuk membantu fakulti mengawal dan memantau prestasi pelajar tersebut.

Bagi graduan sarjana pula, jumlah sasaran graduan bagi Tahun 2021 menunjukkan penurunan iaitu sejumlah 167 orang pelajar berbanding pada Tahun 2020 dengan 220 orang pelajar.

Tindakan : Semua Fakulti

1.2 Pengurusan Akademik

1.2.1 Statistik Pengurusan VIVA dan Pembentangan Proposal Defense secara Online

- 1.2.1.1 Pembentangan VIVA secara dalam talian yang telah dilaksanakan sehingga 13 Disember 2020 adalah sejumlah 66 VIVA. Manakala sebanyak 4

pembentangan Proposal Defense dijalankan juga secara dalam talian. Pengerusi juga meminta semua ahli dan fakulti menyimpan rekod statistik pengurusan VIVA dan pembentangan proposal secara dalam talian ini sebagai persediaan awal sekiranya pihak pengurusan universiti memerlukan maklumat tersebut.

Makluman : Semua

1.2.1.2 Pengerusi juga memaklumkan isu-isu VIVA VOCE dan implikasi terhadap pelajar yang boleh ditambahbaik

Terdapat kekerapan teguran dan laporan berkaitan perjalanan viva oleh pelajar. Diantara isu-isu yang sering dilaporkan adalah :

- i. Tempoh proses viva yang terlalu lama yang melebihi tempoh yang disarankan di dalam KAPS 10.
- ii. Kekerapan tindakan susulan berkenaan tesis bersama Pemeriksa Dalam dan Luar.
- iii. Pemeriksa Dalam dan Luar tidak menerima tesis dalam tempoh yang ditetapkan sehingga VIVA dijalankan.
- iv. Laporan penilaian pemeriksa tidak diterima oleh urusetia sehingga tarikh VIVA.
- iv. Pemeriksa Luar menarik diri di saat akhir disebabkan tajuk tesis yang tidak berkaitan
- v. Perjalanan atau urusan tesis tidak dikemaskini di dalam UTM SMART serta Viva Management System (VMS).

Implikasi yang dihadapi oleh pelajar sekiranya fakulti tidak mengambil tindakan berkaitan isu-isu yang dibangkitkan.

- i. Pelajar berpenaja menghadapi masalah penamatan kontrak penajaan.
- ii. Pelajar antarabangsa perlu memperbaharui VISA dan memerlukan kewangan tambahan bagi memperbaharui VISA.
- iii. Tempoh pengajian pelajar akan terjejas.
- iv. Pelajar tidak dapat maklumat terkini berkaitan tesis mereka.
- v. Implikasi yang dinyatakan diatas akan melewati dan rugi dari segi GOT.

Pengerusi mengucapkan TAHNIAH kepada Fakulti Sains yang telah berjaya menggunakan tetapan yang

ada di dalam UTMSMART itu bagi pelajar mendapatkan maklumat berkenaan tesis mereka.

Tindakan : Semua Fakulti

- 1.2.1.3 Pengerusi juga memberi peringatan kepada semua ahli mesyuarat dan fakulti berkaitan tempoh proses VIVA. Ada terdapat persoalan yang menyatakan masa yang diperuntukkan bagi pemeriksa membaca tesis iaitu 3 minggu tidak mencukupi, oleh yang demikian akan ada pertambahan masa. Ianya adalah dibenarkan tetapi fakulti perlulah sentiasa membuat tindakan susulan dengan pemeriksa. Kebanyakan pelajar hanya membangkitkan isu tesis terlalu lama dan fakulti tiada rekod untuk menjelaskan tentang kelewatan berlaku.

Sehubungan dengan itu, pengerusi meminta perkara ini sentiasa dipantau agar dapat mengetahui masalah yang berlaku. Sekiranya keputusan peperiksaan lisan C1 atau C2, tempoh minima hantar tesis adalah dalam tempoh 6 bulan dan tidak kurang dari itu. Sehubungan dengan itu, diingatkan juga agar tidak menerima tesis yang mendapat keputusan C1 atau C2 yang membuat pembetulan kurang dari 6 bulan.

Tindakan : Semua Fakulti

1.2.2 Tentatif Mesyuarat Tahun 2021

Pengerusi memaklumkan dan memaparkan jadual untuk tentatif Tarikh Mesyuarat JAPSU untuk Tahun 2021 yang telah dikongsikan dengan beberapa urusetia mesyuarat penting UTM termasuk AMD (urusetia Senat) dimana kemungkinan hampir semua ahli JAPSU menghadiri semua mesyuarat tersebut dan sebagai pemakluman bagi penyediaan dokumen. Pengerusi memohon untuk maklumkan kepada pihak SPS jika terdapat tarikh-tarikh yang terlepas pandang yang menyebabkan berlaku pertindihan mesyuarat penting dan utama yang lain. Pihak SPS akan menyelaraskan dengan urusetia yang berkenaan.

Makluman : Semua Fakulti

1.3 Program Pesisir

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Prof. Dr. Nazri bin Ali yang telah tamat tempoh sebagai Timbalan Pengerusi (Bahagian Program Khas dan Pesisir) di SPS. Tahniah diucapkan juga kerana beliau telah dilantik sebagai Pengerusi SPACE. Untuk sementara waktu, jawatan beliau akan dipangku oleh Prof. Madya Dr. Siti Sophiyanti binti Yuhaniz, Pengurus Akademik di SPS UTMKL sehingga pelantikan baharu dibuat.

1.3.1 Agihan Pesisir

Pengerusi memaklumkan bahawa satu mesyuarat bersama penyelarasan program pesisir telah diadakan berkaitan agihan keuntungan untuk program pesisir. Sebanyak 1.4 juta telah

diagihkan dan emel pemakluman telah dikeluarkan kepada Fakulti berkenaan penamaan tabung/ vot bagi menerima agihan ini. Sehubungan dengan itu, wakil fakulti perlu memberi maklum balas dengan secepat mungkin. Pihak Pesisir SPS mensasarkan pengagihan ini akan selesai diserahkan oleh pihak Bendahari pada 20 Disember 2020.

Pengerusi juga memaklumkan bahawa ini adalah agihan yang agak besar dan tanpa kerjasama dari fakulti, perkara ini tidak akan dapat dilaksanakan. Justeru itu, perlulah mengekalkan prestasi dan untuk membuka satu program perlulah mempunyai minima seramai 15 orang pelajar untuk memperolehi keuntungan. Sekiranya kurang daripada 15 orang pelajar, yuran akan dinaikkan untuk diseimbangkan dengan kos terlibat agar universiti tidak rugi.

Program Hybrid juga telah mendapat kelulusan dan di dalam keadaan sekarang ini lebih banyak pembelajaran dijalankan secara dalam talian. Oleh yang demikian, pesisir juga dibenarkan membuat program secara hybrid.

Tindakan : Semua Fakulti

1.3.2 Tempoh Penghantaran Tuntutan Bayaran

Pengerusi memberi peringatan berkaitan tuntutan bayaran pelaksanaan program/kursus pesisir. Bayaran akan dilaksanakan secara 2 fasa dan fasa pertama tidak dapat dijalankan kerana bertembung dengan tempoh penutupan akaun. Oleh yang demikian, tuntutan itu akan dibuat pada awal tahun 2021 apabila akaun dibuka/di aktifkan semula. Tentatif bagi sesuatu penuntutan itu boleh dibuat pada semester satu atau tiga.

Semua perlu memahami proses kerja dengan mengisi *e-form* lebih awal di dalam UTMFIN tanpa menunggu tempoh-tempoh yang dinyatakan atau di saat akhir. Ini kerana kadang-kadang kelewatan berlaku kerana menunggu tarikh akhir. Mohon untuk sebarkan makluman mengenai perkara ini kepada pembantu penyelarasan pesisir dan penyelarasan pesisir fakulti/ sekolah masing-masing.

Tindakan: Semua Fakulti

1.3.3 Penawaran Pesisir Antarabangsa

Pihak SPS telah berbincang dengan SRAD pada 30 November 2020 dan pihak SRAD telah bersetuju untuk tidak lagi menawarkan program pesisir kepada pelajar antarabangsa bermula semester I 2020/2021. Walaubagaimanapun, pelajar yang sedia ada akan dihabiskan tetapi tidak akan membuka kohort baharu. Sehubungan dengan itu, ianya dapat mengurangkan dan menghentikan aduan kepada pelajar sedia ada didalam program ini.

Makluman : Semua

1.3.4 Penawaran ODL

Pengerusi memaklumkan terdapat fakulti yang ingin menawarkan program ODL. Perkara ini masih didalam proses semakan kertas kerja untuk dibawa ke JKKU diikuti dengan mesyuarat Senat, LPU

dan seterusnya sehingga mesyuarat Jawatankuasa Kewangan UTM bagi penetapan yuran. Selepas proses ini selesai akan ada audit dalaman untuk mendapatkan status akreditasi sementara dan ia juga akan melibatkan audit tapak untuk program-program ini. Sewaktu dahulu, audit tapak akan dilakukan di SPS kerana disebabkan fakulti dan auditor berada di JB. Walaubagaimanapun, untuk kali ini terdapat satu fakulti yang berada di KL maka kaedah pelaksanaan audit ini masih tiada kepastian, berkemungkinan ia akan dilakukan secara dalam talian. Fakulti terlibat adalah diminta bersedia sekiranya audit dijalankan dan memahami proses-proses yang akan dilalui dalam menawarkan program ODL di mana ianya dijangka akan ditawarkan pada September 2021 ini.

Makluman : Semua

1.4 Penajaan

1.4.1 Temuduga Biasiswa Zamalah

Temuduga biasiswa zamalah akan diadakan pada 15 Disember 2020 secara dalam talian. Oleh kerana jumlah yang agak ramai memohon biasiswa ini, masa dan jumlah calon akan diminimalkan. Ianya akan dipilih mengikut kriteria yang telah ditetapkan untuk disenarai pendek temuduga. Nama penerima berjaya untuk biasiswa seperti IDF dan NPF akan diputuskan pada 17 Disember 2020.

Makluman : Semua

1.4.2 Hebahan Biasiswa Yayasan Sultan Iskandar

Pengerusi meminta ahli menghebahkan biasiswa Yayasan Sultan Iskandar dalam bidang Kejuruteraan, Sains dan Matematik. Penerima biasiswa ini akan menyumbang markah MyRA dibawah biasiswa. Tarikh tutup adalah pada 20 Disember 2020. Biasiswa yang ditawarkan adalah termasuk yuran pengajian dan elaun kepada pelajar.

Tindakan : Semua Fakulti

1.5 Status SKPG

Sepertimana yang dimaklumkan bahawa SKPG merupakan KAI Universiti. Bermula tahun lepas SKPG dibuat untuk pelajar pasca siswazah. Statistik menunjukkan sejumlah 1103 pelajar masih belum mengisi SKPG 1. Pihak SPS telah menghantar emel dan juga kepada pensyarah dan penyelaras untuk disebarkan kepada pelajar. Pihak SPS akan sentiasa memantau dan mengingatkan berkenaan ini kerana hasrat Universiti adalah untuk mencapai lebih daripada 95% kebolehpasaran graduan. Jika dilihat peratusan yang telah mengisi ini, tahap kebolehpasaran graduan bagi pascasiswazah adalah yang baik.

- 1.5.1 Dibawah Ileague telah diwujudkan RACE GE dimana setiap fakulti boleh mengakses dan mendapatkan laporan terkini di Power BI Kebolehpasaran Graduan 2020. Ini membolehkan universiti memantau data ini. Di SPS akan terus berhubung dengan penyelaras fakulti bagi mendapatkan data tersebut.

- 1.5.2 Dr. Dewi Fariha binti Abdullah, AHIBS memberi pandangan bagi meningkatkan data SKPG ini pelajar perlu mengisi semasa mengambil transkrip. Pengerusi memaklumkan itu adalah prosedur yang dilaksanakan sedia ada tetapi tidak dikuatkuasakan dengan ketat dan pelajar juga mengelak untuk mengisi SKPG ini disebabkan *survey* yang terlalu panjang. Disamping itu, majlis konvokesyen yang tertunda menyebabkan kelewatan mendapat data ini.

Pn Safriza memaklumkan bahawa pelajar yang ingin memohon transkrip dengan lebih awal akan diminta untuk mengisi SKPG ini terlebih dahulu. Jika gagal berbuat demikian, tiada transkrip awal akan dikeluarkan.

- 1.5.3 Pengerusi memaklumkan bahawa pelajar 100% *employability* itu adalah bukan bermaksud pelajar telah bekerja semata-mata. Ia juga termasuk pelajar yang melanjutkan pengajian, sedang meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan .

Makluman : Semua

1.6 Program/ Proses Peperiksaan Pascasiswazah

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada fakulti/sekolah yang sama-sama membangunkan program atau menjalankan proses peperiksaan pada tahun yang mencabar ini. Bagi tahun 2021 akan ada program baharu dibawah KAI Universiti termasuk pelaksanaan microcredential dan Apel C. Bagi dua perkara ini akan diadakan satu sesi khas bersama pentadbir akademik fakulti untuk menerangkan proses yang akan berlaku.

Makluman : Semua

2.0 STATUS SEMAKAN KURIKULUM PASCA SISWAZAH

- 2.1 Dr Norah binti Md Noor, Timbalan Pengerusi SPS memaklumkan bahawa semakan kurikulum pascasiswazah merupakan antara KAI JTNCAA bagi tahun 2020. Manakala bagi tahun 2021, tumpuan adalah pada kurikulum prasiswazah.
- 2.2 Beliau memaklumkan juga bahawa senarai yang disenaraikan adalah senarai program pasca siswazah yang dalam makluman pihak SPS. Ianya melibatkan program PhD dan Sarjana bagi mod penyelidikan campuran dan kerja kursus. Sebanyak 202 program yang aktif perlu dijalankan semakan kurikulum. Akan mengeluarkan senarai yang belum mendapat akreditasi penuh dan dijumlahkan.
- 2.3 KAI yang dikira selesai adalah kertas kerja yang telah lulus di JKKU. Pihak SPS telah membawa kertas kerja penyelidikan bagi PhD dan Sarjana pada November lalu, dan perlu dikeluarkan dari statistik kerana terpaksa membawa PhD dan Sarjana penyelidikan secara individual program disebabkan sebenarnya masih belum selesai konsolidasi 2014 yang sebelum ini dijangka sudah selesai.
- 2.4 Semua fakulti telah selesai membuat semakan kurikulum, hanya terdapat beberapa fakulti seperti FTIR, FABU, AHIBS, SKT, SKBSK dan SKA yang masih belum dapat menyelesaikannya. Beliau berharap semakan

kurikulum ini akan dibuat berterusan dan dibawa ke JKKU untuk mendapat kelulusan. Program yang telah dibawa ke JKKU sehingga Disember 2020 adalah sebanyak 166 daripada 202 program yang aktif. Peningkatan jumlah kelulusan program lulus JKKU mungkin akan berlaku selepas mesyuarat JKKU pada 21 Disember 2020. Bagi kurikulum yang dilaksanakan hendaklah mengikut mapping MQF 2.0. Dimaklumkan juga proses untuk membawa kertas kerja program ini Ke KPT adalah agak panjang.

2.5 Terdapat implikasi untuk kertas kerja yang sudah disediakan dengan lebih awal tetapi untuk dibawa ke JKKU adalah agak lambat. Implikasi tersebut adalah tiada masalah pada semakan awal tetapi apabila berada di JKKU ianya akan dilihat dan didapati banyak yang tidak lengkap kerana semenjak hujung tahun 2019 sehingga hujung tahun 2020 terdapat banyak perubahan yang telah berlaku. Sehubungan dengan itu, mohon agar semua fakulti dapat melihat semula kertas kerja sebelum menghantar ke JKKU untuk kelulusan.

2.6 Bagi AHIBS, terdapat 2 program yang dicadangkan untuk JUMUD tetapi program tersebut masih melaksanakan pengambilan pelajar. Mohon agar AHIBS dapat menjelaskan semula perkara ini kerana dua program tersebut terpaksa/perlu dibuat semakan kurikulum jika tidak dicadangkan untuk JUMUD.

Pn Qamariah memaklumkan bahawa perbincangan telah dilaksanakan dengan pihak SRAD dan telah bersetuju untuk menjumudkan dua program tersebut bermula semester II 2020/2021.

2.7 Penawaran program yang telah lulus semakan kurikulum dengan kod baru akan berkuatkuasa pada semester I 2021/2022 kecuali yang telah mendapat kelulusan KPT iaitu:

- i. Sarjana Sains (Sains Forensik) – Fakulti Sains JPT(A)1000/021/011/01 Jld. 12 (82) bertarikh 29 Julai 2020
- ii. Sarjana Bahasa Dalam Komunikasi dan Budaya Digital – Akademi Bahasa, FSSH JPT(A)1000/021/011/01 Jld. 12 (84) bertarikh 19 Ogos 2020.

Makluman : Semua

3.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT JAPSU BIL.2 - 2020/2021

3.1 Minit mesyuarat diluluskan dengan sebulat suara tanpa sebarang pindaan.

Makluman : Semua

4.0 PERKARA BERBANGKIT

4.1 Cadangan Pra Pendaftaran Pascasiswazah

4.1.1 Pihak AMD memaklumkan cadangan pra-pendaftaran pascasiswazah yang ingin dilaksanakan pada semester II 2020/2021 akan ditangguhkan selewat-lewatnya pada semester I 2021/2022. Ini disebabkan oleh pemakluman yang singkat diberikan berkaitan perkara ini dan terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh pihak fakulti serta perlu mendapat pandangan menyeluruh dari pihak fakulti mengenai keperluan perlaksanaannya.

- 4.1.2 Prof. Fadilah binti Yusof (Fakulti Sains) memaklumkan bahawa fakulti tidak bersetuju untuk membuat pra-pendaftaran ini kerana jumlah mod campuran dan mod kerja kursus di fakulti tidak ramai. Peruntukan pensyarah diutamakan pada prasiswazah. Oleh kerana itu, pihak Fakulti Sains akan melihat berapa seksyen yang akan dibuka dan juga perlu melihat keadaan semasa serta bilangan pelajar yang ada, baru diikuti dengan perancangan agihan pensyarah.
- 4.1.3 Prof. Dr. Ahmad Baharuddin bin Abd. Rahman (Fakulti Kejuruteraan) meminta kepastian jika sebelum ini terdapat sebarang masalah yang dihadapi dengan ketiadaan proses pra-pendaftaran bagi peringkat pascasiswazah.
- AMD memaklumkan bahawa tiada masalah dan tiada aduan di AMD tetapi tidak pasti di fakulti kerana penawaran adalah dibuat oleh fakulti.
- 4.1.4 Prof. Madya Dr. Azlina binti Kosnin, TDA FSSH memaklumkan bahawa kes tersebut mungkin banyak berlaku di FSSH terutamanya bagi mod pengajian kerja kursus kerana pelajar masih tidak pasti tentang kelas yang akan diduduki di awal semester. Minggu mendaftar adalah terhad dan ia menyebabkan timbul masalah seksyen penuh, sekiranya diputuskan untuk tiada pra-pendaftaran dijalankan, dicadangkan agar dipanjangkan tempoh pendaftaran kursus atau diawalkan sedikit tempoh pendaftaran sebelum kelas bermula pada setiap semester. Pra-pendaftaran ini membolehkan pelajar merancang atau memilih kelas yang sepatutnya diambil, Ini juga memudahkan fakulti untuk menentukan berapa seksyen yang diperlukan bagi matapelajaran tersebut. Sehubungan dengan itu, diharap proses kerja dapat dipinda agar pihak fakulti dapat melihat *trend* pelajar mengambil kursus itu dan membuat penambahbaikan sebelum kursus bermula.
- 4.1.5 Pengerusi memaklumkan bahawa berhadapan dengan situasi pandemik menyebabkan pelajar tidak hadir ke kaunter menyebabkan terdapat beberapa masalah yang dihadapi. Idea pra-pendaftaran ini adalah bagi melihat kes-kes di fakulti yang mengendalikan pelajar yang ramai yang menawarkan kursus umum dan juga AHIBS yang menawarkan kursus umum serta fakulti yang menawarkan program pascasiswazah mod kerja kursus.
- 4.1.6 Pengurusan untuk kursus-kursus yang mempunyai bilangan besar pelajarnya akan mempunyai sedikit kesukaran berbanding dengan kursus-kursus yang mempunyai bilangan kecil pelajar jika pendaftaran lambat dilakukan. Justeru itu, pengerusi mencadangkan untuk diawalkan tempoh pendaftaran dan membuat *pilot test* bagi beberapa kursus yang besar bilangan pelajarnya.

Pihak AMD memaklumkan untuk tempoh pendaftaran semester II 2020/2021 telah pun diawalkan iaitu 2 minggu sebelum kelas bermula. Pihak FSSH bersetuju untuk kekalkan dahulu tempoh 2 minggu pendaftaran sebelum kelas bermula dan akan memberikan maklum balas untuk penambahbaikan.

Makluman : Semua

4.2 Pemakluman Pekeliling JTNC A

Pemakluman pekeliling JTNC A berkaitan proses *teaching learning*, semua peperiksaan akan dibuat secara dalam talian. Bagi pelajar yang berada di zon merah ingin memasuki zon hijau bagi tujuan menjalankan penyelidikan di makmal perlu menjalani kuarantin selama 14 hari. Pelajar perlu mendapatkan kelulusan dari pihak HEP sebelum memasuki makmal.

Makluman : Semua

5.0 LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD)

Pn Safriza binti Sabjah, Penolong Pendaftar AMD membentangkan laporan seperti berikut:

5.1 Laporan Statistik Pelajar Aktif tidak daftar kursus

Di dalam rekod menunjukkan seramai 673 pelajar pascasiswazah yang berstatus aktif tidak daftar kursus dengan pecahan 320 PhD, 13 Doktor Kejuruteraan dan 340 program Sarjana.

Sekiranya pelajar masih tidak mendaftar sehingga hujung bulan Disember 2020, fakulti perlu mengambil tindakan dengan membawa senarai nama pelajar tersebut ke JKA Fakulti untuk dibentang dan dibincangkan. Seterusnya, senarai nama pelajar yang dicadangkan untuk diberhentikan perlu dibawa ke mesyuarat JKTS P&P pada 20 Januari 2021. Setelah diluluskan, pihak AMD akan membawa senarai nama pelajar tersebut ke mesyuarat Senat dan selepas itu pemakluman pelajar diberhentikan akan dikeluarkan kepada pelajar berkenaan.

Makluman : Semua

5.2 Cadangan Tarikh Baharu Mesyuarat JKTS P&P (Peperiksaan Akhir Semester I – 2020/2021)

Cadangan tarikh baharu mesyuarat adalah seperti berikut:

- i. Mesyuarat JKAF :
Tarikh lama yang dicadangkan : 7-9 Mac 2021
Tarikh baharu yang dicadangkan : 2-3 Mac 2021
- ii. Mesyuarat JKTS P&P:
Tarikh lama yang dicadangkan : 16 - 17 Mac 2021
Tarikh baharu yang dicadangkan : 8 - 9 Mac 2021

Prof. Madya Dr. Aznizam Bin Abu Bakar memohon untuk pihak AMD memastikan pada 1 Mac 2020 iaitu tarikh yang telah ditetapkan untuk pencetakan dokumen dilakukan diperingkat fakulti berjalan lancar. Ini kerana kebiasaannya selepas tarikh akhir masuk markah, pihak UTMDigital akan memproses uji-lari terlebih dahulu sebelum pencetakan di sistem boleh dilakukan. Ini akan menyebabkan pihak fakulti menghadapi kesukaran untuk menyediakan dokumen dalam tempoh 1 hari sahaja sebelum mesyuarat JKAF berlangsung pada tarikh yang dicadangkan.

Pihak AMD mengambil maklum dan akan mengadakan perbincangan lanjut dengan UTMDigital berkenaan ini untuk pastikan tiada masalah yang berlaku pada 1 Mac 2020 untuk membolehkan pihak fakulti mencetak keputusan peperiksaan.

Pengerusi melihat jadual yang diberikan agak suntuk dan menyarankan

untuk fakulti melihat semula peperiksaan yang akan dijalankan pada hari terakhir iaitu 26 Feb 2021 dengan memastikan jumlah pelajar yang mengambil peperiksaan itu adalah sedikit bagi memudahkan pengurusan di saat akhir.

Tindakan: AMD dan Semua Fakulti

5.3 Tarikh Pendaftaran Kursus

Pihak AMD membentangkan tentang deraf tarikh-tarikh penting pendaftaran kursus semester II sesi 2020/2021 bagi pascasiswazah adalah seperti berikut:

- i. 1- 13 Mac 2021 : Pendaftaran kursus oleh pelajar secara dalam talian.
- ii. 14-19 Mac 2021 : Pendaftaran kursus berdenda
(penalti- RM100 per kursus)
- iii. 21-27 Mac 2021 : Pembetulan pendaftaran kursus secara dalam talian.
- iv. 28 Mac – 2 Apr 2021: Pembetulan pendafyaran kursus berdenda
(penalty- RM100 per kursus)
- v. 5 Apr – 3 Mei 2021: Permohonan tarik diri kursus oleh pelajar
- vi. 11 Apr – 28 Mei 2021: Pernohonan tangguh pengajian oleh pelajar

Makluman: Semua

6.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH (PhD) - NOTIS HANTAR TESIS (NHT)

6.1 FAKULTI KEJURUTERAAN

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

6.1.1 SEKOLAH KEJURUTERAAN AWAM (SKA)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ARIANI DWI ASTUTI (Mohon tajuk diperhalusi. <i>Artificial Intelligence too broad</i>)	PKA163032
2	FATEMEH JOMEHZADEH	PA133051
3	GRAWIRA GANJUR GIWANGKARA	PKA173028
4	IZWAN SHAH BIN AHMAD	PKA173027
5	MUIZZ OLADAPO SANNNI-ANIBIRE (Mohon tajuk diperhalusi. <i>'Machine- Learning Based' too broad</i>)	PKA173088
6	NUR HIDAYAH BT ABD HALIM	PA123013
7	NUR NADHIRA BINTI ABDUL RASID	PKA143049

6.1.2 SEKOLAH KEJURUTERAAN ELEKTRIK (SKE)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	KARTIKO NUGROHO JULI PURWANTO	PKE153056
2	MOHAMMAD IBRAHIEM ABO ZEED	PE133029
3	MOHD HIDIR BIN MOHD SALLEH	PE123014

4	MUHAMMAD ALI	PKE163035
5	MUHAMMAD IDREES MASUD	PKE143066
6	UMAR ZANGINA	PKE173090

6.1.3 SEKOLAH KEJURUTERAAN KIMIA & KEJURUTERAAN TENAGA (SKT)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AISHAH BINTI MOHD MARSIN	PKK163043
2	FAIQAH BINTI RAMLI	PKK143017
3	MARYAM FARHANA BINTI KAMEL ARIFFIN	PK133031
4	MAZLINDA BINTI AB RAHMAN	PKP173001
5	NUR HULWANI BINTI MD SAARI	PKK143043
6	NURUL SULAIHA BINTI SULAIMAN	PK123053
7	SITI MAIZATUL FARHAIN BINTI SALEHUDDIN	PKK163051
8	TAN JI SIANG	PKK173058

6.1.4 SEKOLAH KEJURUTERAAN MEKANIKAL (SKM)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	MOHAMED MOHAMED TAKEYELDEIN ELSHERBEINY	PKM143043
2	MOHD SALMAN BIN CHE KOB	PM123083
3	SHERIF IBRAHIM ABDELMAKSoud MOHAMED	PKM173060
4	TOTO TRIANTORO BUDI WARDOYO	PM113108

6.1.5 SEKOLAH KOMPUTERAN (SK)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ALIF RIDZUAN BIN KHAIRUDDIN	PCS163030
2	SAMAH ABDELSALAM ABDALLA GUBARA	PCS163046
3	OMAYMA HUSAIN ABBAS HASSAN	PCS163045
4	YUHANIM HANI BINTI YAHAYA	PC123038

Tindakan : SPS & FK

6.2 FAKULTI SAINS (FS)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ABDUSSAMAD MUKHTAR MOHAMMED	PSC183033
2	MONALIZA BINTI MOHD DIN	PMB163003
3	OLAIJU OLUSEGUN ADEYEMI	PSC163052

Tindakan : SPS & FS

6.4 FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN (FSSK)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

6.4.1 SEKOLAH PENDIDIKAN

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	LILIAN IKPHEMINOGHENA OLAGOKE-OLADOKUN	PPP163059
2	MARSHA LAVANIA A/P MANIVANNAN	PPP173131
3	NORARBAIYAH YAACOB	PPP143088
4	NUDRA SYAFINI BINTI AB AZIZ	PP123054
5	SITI ROHANI BINTI ISNIN	PP113063
6	TONO BIN HASSAN	PPP143091

6.4.2 AKADEMI TAMADUN ISLAM

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	EISSA HUSAIN MOHAMED ASADALLA ALKHOORI	PIC173020
2	KAMARUL AZMAN BIN JAMALUDIN	PIC143009
3	MOHD KHAIRULNIZAM BIN SAHLAN	PIC333001

6.4.3 AKADEMI BAHASA

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ZAINAB HAMEED TARISH	PLA173009

Tindakan : SPS & FSSK

6.5 SEKOLAH PERNIAGAAN ANTARABANGSA AZMAN HASHIM (AHIBS)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	MOHD HALIM BIN MAHPHOTH	PH123009
2	MOHD ZAMRI BIN HUSAINI	PHA163006
3	NORSHAMSIH BINTI IBRAHIM	PBS143019
4	RENNE PRAMILA A/P PUNADI	PR133018
5	SONIA BAKER JAMIL AL-BARGHUTHI	PBS173025

Tindakan : SPS & AHIBS

6.6 MALAYSIA JAPAN INTERNATIONAL INSITUTE OF TECHNOLOGY (MJIIT)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NOOR SAHIRAH BINTI MUHAZELI	PMJ183012
2	NOORADILLA BINTI ABU HASAN	PMJ163017
3	SITI NUR FATIN BINTI ZUIKAFLY	PMJ183004

Tindakan : SPS & MJIIT

7.0 PELANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA (MSc) – NOTIS HANTAR TESIS (NHT)

7.1 FAKULTI KEJURUTERAAN

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

7.1.1 SEKOLAH KEJURUTERAAN ELEKTRIK (SKE)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AHMED ABDELSALAM MOHAMED KHEIR ABUEL GASIM	MKE173016
2	MUHAMMAD AFIQ BIN ABDUL AZIZ	MKE183003

7.1.2 SEKOLAH KEJURUTERAAN KIMIA & KEJURUTERAAN TENAGA (SKT)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AMIR ASYRAF BIN NASARUDIN	MKK173011
2	FADINA BINTI AMRAN	MKK193013
3	NUR AIEN FATINI ABD LATIF	MKK173036
4	OGBE JOHN ORIGOMISAN	MKK193014

Tindakan : SPS & FK

7.2 FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN (FSSK)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

7.2.1 SEKOLAH PENDIDIKAN (SP)

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	SITI RAUDHAH BINTI RAMYA@ABD RAHIM	MPP183024

Tindakan : SPS & FSSK

7.3 MALAYSIA JAPAN INTERNATIONAL INSTITUTE OF TECHNOLOGY (MJIIT)

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	PUTRI NOR AZILA BINTI TAJUDIN	MMJ183039
2	RAKHMANIA	MMJ183034

Tindakan : SPS & MJIIT

8.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan Pelanjutan Notis Hantar Tesis seperti berikut:

NAMA PELAJAR	TARIKH AKHIR
8.1 MOHAMAD IKHWAN BIN KORI (PKM143035) – SKM	13/12/2021
8.2 NURUL FARHANAH BINTI AZMAN (PKM163023) - SKM	13/12/2021
8.3 AFRIZAL (PG093084) - FABU	

8.4	HAZLINA ANIZA BINTI MOHD HAZLAN (MBE173006) - FABU	13/12/2021
8.5	TENGKU AMIRRUL BIN TENGKU ASMARA (PBE93084) – FABU	13/12/2021
8.6	NUR SYAHIRAH SAHIDAN (MSC163061) - FS	13/12/2021

Tindakan : SPS & Fakulti

9.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS DAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA / PENERUSI BAHARU

Mesuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan Pelanjutan Notis Hantar Tesis dan Pelantikan Panel Pemeriksa/Pengerusi Baharu seperti berikut:

NAMA PELAJAR	TARIKH AKHIR
9.1 FAZLEEN KAMALUDIN (MSC173001) - FS	13/12/2021
9.2 NURUL ADIBAH ALI (MSC83007) – FS	13/12/2021
9.3 PUTERI NUR SARAH DIANA ENGKU BAHARUDDIN (MMB163019) - FS	13/12/2021

Tindakan : SPS & Fakulti

10.0 PERMOHONAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA/PEMERIKSA LUAR/PENERUSI /PEMBANTU PENERUSI BAHARU

Mesuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pelantikan panel pemeriksa/pemeriksa luar/pengerusi /pembantu pengerusi baharu seperti berikut:

NAMA PELAJAR	TARIKH AKHIR
10.1 SARAFOGHANI (PR113007) - AHIBS KL	13/12/2021

Tindakan : SPS & Fakulti

11.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN TESIS

Mesuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pelanjutan tempoh pembetulan tesis seperti berikut:

NAMA PELAJAR	TARIKH
11.1 SEYED MAHDI HOSSEINI NASAB ASTANEH (PH113173) – AHIBS JB	11/03/2021
11.2 MUHAMMAD USMAN ARSHAD (PHA143036) - AHIBS JB	11/03/2021
11.3 RAMIN AZADAVAR (PR113005) - AHIBS KL	11/03/2021
11.4 SARAFOGHANI (PR113007) - AHIBS KL	11/03/2021

Tindakan : SPS & Fakulti

12.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TESIS BERJILID

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan permohonan pelanjutan tesis berjilid seperti berikut:

NAMA PELAJAR	TARIKH
12.1 POUYAH FOUDEH (PC093036) - SK	14/01/2021

Tindakan : SPS & Fakulti

13.0 PERMOHONAN PENGECCUALIAN/PENGURANGAN YURAN PELAJARAN BAGI STAF, PASANGAN STAF DAN ANAK STAF UTM

13.1 PENGECCUALIAN YURAN PELAJARAN BAGI PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH

Mesyuarat bersetuju untuk TIDAK MELULUSKAN permohonan pengecualian yuran pelajaran bagi staf UTM untuk program PhD bagi semester I – 2020/2021 seperti yang dinyatakan berikut:

BIL.	FAKULTI	NAMA	NO. MATRIK	KEPUTUSAN MESYUARAT
1	SKA	NOR SUHAILA BINTI RAHIM	PKA153009	Tidak Diluluskan kerana staf adalah staf kontrak Tabung TNCPi.

Tindakan : SPS & Jabatan Bendahari

13.2 PENGECCUALIAN YURAN PELAJARAN BAGI PERINGKAT SARJANA FALSAFAH

13.2.1 Mesyuarat bersetuju untuk MELULUSKAN permohonan pengecualian yuran pelajaran bagi staf UTM untuk program Sarjana bagi semester I – 2020/2021 seperti dinyatakan berikut:

BIL	FAKULTI	NAMA	NO MATRIK	KEPUTUSAN MESYUARAT
1	SKT	Siti Norasyiqin bt Abdul Latif	MKK181030	Diluluskan Pengecualian Yuran Pelajaran untuk semester I-2020/2021
2	SKT	Mohd Nadzreen Hidayat bin Sarjuni	MKK203008	Diluluskan Pengecualian Yuran Pelajaran untuk semester I-2020/2021
3	SKM	Mazlan bin Said	MKM173020	Diluluskan Pengecualian Yuran Pelajaran untuk semester I-2020/2021
4	SK	Mohd Azhari bin Kamarudin	MCS171006	Diluluskan Pengecualian Yuran Pelajaran untuk semester I-2020/2021

5	FTIIR	Nurul Haziatul Ain binti Norhasnan	MRT193001	Diluluskan Pengecualian Yuran Pelajaran untuk semester I-2020/2021
---	-------	---------------------------------------	-----------	--

13.2.2 Mesyuarat bersetuju untuk TIDAK MELULUSKAN permohonan pengecualian yuran pelajaran bagi staf UTM untuk program Sarjana bagi semester I - 2020/2021 seperti dinyatakan berikut:

BIL	FAKULTI	NAMA	NO MATRIK	KEPUTUSAN MESYUARAT
1	SKT	Intan Nordiana binti Ahmad	MKK191007	TIDAK DILULUSKAN kerana Program Pesisir
2	FTIIR	Nazirul Mubin bin Normansah	MKK191039	TIDAK DILULUSKAN untuk Program Pesisir

Tindakan : SPS & Jabatan Bendahari

13.4 PENGURANGAN YURAN PELAJARAN BAGI PASANGAN STAF

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan pengurangan 50% yuran pelajaran bagi pasangan staf UTM untuk program PhD dan Sarjana bagi semester pengajian semester I - 2020/2021 seperti dinyatakan berikut:

BIL	FAKULTI	NAMA	NO MATRIK	KEPUTUSAN MESYUARAT
1	SK	Muhammad Najib bin Zamri	PC133011	Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I- 2020/2021
2	SK	Noor Hayati bt Mohd Zain	PCS143003	Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I- 2020/2021
3	SKBSK	Nor Nisha Nadhira bt Nazirun	PMB193009	Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I- 2020/2021
4	FS	Emilly binti Albert Alim	PSC143075	Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I- 2020/2021
5	AHIBS	Luqman Hakim bin Satiman	PH103252	Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I- 2020/2021

13.4 PENGURANGAN YURAN PELAJARAN BAGI ANAK STAF

Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan pengurangan 50% yuran pelajaran bagi anak staf UTM untuk program PhD dan Sarjana bagi semester I – 2020/2021 seperti dinyatakan berikut:

BIL	FAKULTI	NAMA	NO MATRIK	KEPUTUSAN MESYUARAT
1	SKT	Siti Fatimah Masturah binti Musa	MKK193025	Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I- 2020/2021
2	SKM	Muhammad Hafizuddin bin Azeman	MKM193020	Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I- 2020/2021
3	SK	Priyanka A/P John Jayaraj	MCS203005	Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I- 2020/2021
4	FABU	Muhamad Fadhli bin Minhat	PGH193014	Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I- 2020/2021
5	FS	Nur Syahirah Syazwani binti Murad	MSC203016	Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I- 2020/2021
6	FS	Nur Tasnim Husna binti Yusoff	MSC203011	Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I- 2020/2021
7	SP	Sarah Nur Ain binti Khaidzir	PPP193025	Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I- 2020/2021
8	ATI	Muhammad Aiman bin Abdull Rahim	PIC193028	Diluluskan Pengurangan 50% Yuran Pelajaran untuk semester I- 2020/2021

Tindakan : SPS & Jabatan Bendahari

14.0 HAL-HAL LAIN

14.1 Penetapan Semula Sasaran Graduan 2020

14.1.1 MALAYSIA JAPAN INTERNATIONAL INSTITUTE OF TECHNOLOGY (MJIIT)

En. Zurik Azaham bin Aris memaklumkan bahawa sasaran baharu telah dibincangkan di dalam JKA fakulti dan diputuskan sasaran pelajar PhD sebelum ini sejumlah 70 ditukarkan kepada sasaran baharu adalah 37.

Makluman : Semua

14.1.2 Fakulti Kejuruteraan

En. Asram bin Sulaiman membentangkan unjuran sasaran graduan 2020 akan mengambil kira pelajar yang telah diluluskan lanjutan tempoh hantar tesis sehingga 11 Mac dan pelajar yang mendapat C1 atau C2.

Makluman : Semua

14.2 Sijil Joint Degree Tsukuba

En. Zurik Azaham bin Aris memohon agar sijil Joint Degree Tsukuba tahun 2020 dipercepatkan. Pengerusi mohon untuk menyemak perkara ini dengan pihak AMD dan beliau juga akan menyemak perkara ini.

Tindakan : AMD

14.3 Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (Akademik)

Pengerusi memaklumkan di dalam masa terdekat akan diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Timbalan Naib Canselor (Akademik) berkaitan dengan KAI sesi 2020 dan akan dibentangkan pencapaian semakan kurikulum dan juga yang berkaitan akademik. Perlu persiapan fakulti untuk menyediakan laporan sekiranya diperlukan nanti.

Makluman : Semua

14.4 Pengambilan Mahasiswa

Pengerusi mendapat pemakluman bahawa pihak SRAD masih menerima pendaftaran pelajar baharu bagi pelajar penyelidikan sehingga 31 Disember 2020. Pelajar-pelajar ini diminta untuk mendaftar kursus kaedah penyelidikan. Secara dasarnya, pengerusi tidak bersetuju dengan cadangan ini melainkan ada fakulti yang ingin menjalankan secara modular dan menerima pelajar. Ini kerana 31 Disember 2020 agak terlalu lewat dan mengikut kebiasaannya pelajar ini akan disarankan untuk mengambil kursus tersebut pada semester hadapan.

Tindakan : SRAD

14.5 Kursus AS201

Pensyarah yang telah mendapat PhD sebelum tahun 2014 tetapi belum menggraduankan pelajar PERLU hadir kursus AS 101 dan AS 102 barulah layak untuk menjadi penyelia utama. Pada 16 Disember 2020, kursus AS 201 (*Experienced Supervisor Refresher Course*) akan diadakan untuk staf akademik. Kumpulan yang disasarkan adalah seperti berikut:

- i. Staf Akademik yang telah berkhidmat selama 10 tahun dan ke atas,
- ii. Staf yang mendapat PhD sebelum Januari 2014 dan belum pernah menggraduankan pelajar PhD sebagai Penyelia Utama (belum menghadiri AS101).

Nama pensyarah yang masih belum layak menjadi penyelia utama akan dihantar kepada fakulti untuk hadir ke kursus AS 201. Ini adalah syarat penyeliaan yang menunjukkan bahawa UTM mengawal kualiti penyelia PhD di UTM.

Tindakan : Semua Fakulti

- 14.6** Prof. Madya Dr. Suhaimi bin Abu Bakar/Md. Ramli memaklumkan bahawa beliau tidak menerima emel jemputan mesyuarat JAPSU. Mohon urus setia untuk menyemak perkara ini.

Tindakan : Urusetia SPS

15.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.05 tengahari dengan bacaan Tasbih Kafarah dan Surah Al-Asr

Disediakan oleh:

Semakan Pertama:

Semakan Kedua:

**PUAN NORALIZA BT
TASIRAN**

Setiausaha Pejabat
Sekolah Pengajian
Siswazah

**PUAN EKA AMIRA BT
RAHIM**

Penolong Pendaftar
Bahagian Pentadbiran &
Kualiti Akademik
Sekolah Pengajian Siswazah

**EN. MOHD ZAIRES BIN MD
DARIS**

Timbalan Pendaftar
Sekolah Pengajian Siswazah